



Ruj Kami: ANM/POPA/SPP/3/6 (309)

Tarikh : 28 Ogos 2014

Semua Pegawai Pengawal

Y.Bhg Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

KOD PERAKAUNAN TAHUN KEWANGAN 2015

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa jabatan ini akan mewujudkan dan mengemas kini **Kod Perakaunan Kementerian** bagi tahun kewangan 2015. Kod perakaunan yang terlibat ialah Profil Kod Kementerian/Jabatan, Kod Program/Aktiviti (Prog/Akt) dan Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK).

1. Profil Kod Kementerian/Jabatan

- 1.1 Sekiranya terdapat perubahan **Profil Kod** kementerian/jabatan, pengemaskinian hendaklah dikemukakan melalui Borang JAN/MD 009A – Borang Profil Kod Kementerian/Jabatan.
- 1.2 Profil kod kementerian/jabatan hanya boleh dipinda pada awal tahun kewangan, iaitu sebelum akaun bagi satu-satu tahun kewangan itu bermula.

2. Kod Program/Aktiviti (Prog/Akt)

- 2.1 Semua **pewujudan** dan **pembatalan kod** ataupun **pindaan** ke atas **perihal** Prog/Akt hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/MD 005A – Borang Kod Program/Aktiviti.

Kementerian **tidak** perlu menghantar permohonan untuk mewujudkan Kod Prog/Akt seperti dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015. Walau bagaimanapun, jika profil kementerian/jabatan memerlukan paras terendah (sub aktiviti), kod Prog/Akt berkenaan perlu diwujudkan melalui borang JAN/MD 005A.

- 2.2 Sekiranya terdapat **perubahan kod** bagi Prog/Akt tahun kewangan 2014 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2015, hendaklah disenaraikan dan dikemukakan melalui borang JAN/MD 018B – Borang Jadual Penukaran Kod Program/Aktiviti.

3. **Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK)**

- 3.1 Semua **pewujudan** dan **pembatalan kod** ataupun **pindaan** ke atas **perihal** PTJ/PK hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/MD 004A – Borang Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK).
- 3.2 Sekiranya terdapat **perubahan kod** bagi PTJ/PK tahun kewangan 2014 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2015, hendaklah disenaraikan dan dikemukakan melalui borang JAN/MD 018A – Borang Jadual Penukaran Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos.

Kod PTJ/PK baru (Tahun 2015) mesti diwujudkan terlebih dahulu sebelum Jadual Penukaran dapat diproses.

4. **Keperluan 1GFMAS**

- 4.1 Untuk makluman, terdapat penambahan beberapa kod dalam persekitaran 1GFMAS iaitu kod pegawai pengawal dan kod kumpulan PTJ. Walau bagaimanapun, kod tersebut akan dipetakan secara automatik menggunakan kod-kod sedia ada. Sehubungan itu, pengemaskinian kod sedia ada amatlah penting bagi memastikan migrasi data yang dibuat adalah tepat.

5. Borang-borang yang telah dilengkapkan (satu salinan) hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **4 November 2014**. Tarikh yang dicadangkan adalah selaras dengan proses peralihan data daripada GFMAS kepada 1GFMAS. Kelewatan dalam memberikan maklum balas akan memberi impak dalam proses migrasi data GFMAS kepada 1GFMAS bagi Kementerian/ Jabatan masing-masing. Sehubungan itu, sebarang maklum balas yang dikemukakan selepas tarikh berkenaan tidak akan diambil kira dalam proses migrasi data dan perlu melalui proses permohonan semula menggunakan sistem 1GFMAS pada tahun 2015.

6. Panduan untuk mengisi borang, senarai kod negeri/daerah dan kod negara serta penjenisan mengikut sektor boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Akauntan Negara di alamat <http://www.anm.gov.my>. Borang yang telah lengkap boleh dikemukakan ke alamat berikut :

Jabatan Akauntan Negara
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA
(u.p.: Dr. Yacob bin Mustafa)


7. Bagi kementerian/jabatan yang tidak mempunyai sebarang pindaan ke atas kod perakaunan berkenaan, **pengesahan secara bertulis** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **4 November 2014**. Sila hubungi Seksyen Perakaunan Persekutuan, BQOPA di talian 03-8882 1648, 03-8882 1641 dan 03-8882 1518 untuk maklumat lanjut.

8. Kerjasama dan tindakan sewajarnya bagi mengemas kini kod perakaunan tahun kewangan 2015 amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan'

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAWAZAIN BINTI SHAARI)
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
b.p Akauntan Negara Malaysia

s.k.:

Setiausaha Bahagian Kewangan/Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri